

SURAT PEKELILING NO.8/2019

KEPADA : Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri/Persekutuan
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri/Persekutuan

PERKARA : **MESYUARAT PERTAMA BAGI PENGGAL KEEMPAT
PERSIDANGAN DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK
KELAPAN BELAS**

RUJ. KAMI : JKM/UP/100-8/1/32/JLD.12(91) **TARIKH** : 29 Mac 2019

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Pertama bagi Penggal Keempat Persidangan Dewan Undangan Negeri Sarawak Kelapan Belas akan bermula pada hari **Isnin, 29 April 2019** hingga **Khamis, 9 Mei 2019** bersamaan dengan 23 Syaaban hingga 4 Ramadhan 1440 Hijrah (kecuali Sabtu, Ahad dan Cuti Umum) bertempat di **Dewan Mesyuarat, Aras 8, Bangunan Dewan Undangan Negeri Sarawak (DUNS), Petra Jaya, Kuching** pada **jam 9.00 pagi** setiap hari persidangan.

2. **Istiadat Pembukaan Penggal Baru** akan diadakan pada hari **Isnin, 29 April 2019, jam 9.00 pagi** yang akan disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Sarawak. Pakaian pada hari tersebut adalah **Pakaian Seragam Istiadat dilengkapi dengan darjah-darjah kebesaran** masing-masing, manakala **Lounge Suit (Gelap)** adalah pada hari-hari seterusnya.

3. **Kehadiran semua Ketua Jabatan adalah diwajibkan pada persidangan tersebut.** Sekiranya Ketua Jabatan tidak dapat hadir sendiri atas sebab keuzuran atau urusan-urusan lain yang sangat penting, maka **Timbalannya atau Pegawai Kanan perlu hadir** dalam sesi persidangan tersebut bagi menggantikan beliau.

4. Sehubungan dengan itu juga, penglibatan pegawai dan kakitangan dari Jabatan-Jabatan Negeri, Persekutuan atau Badan-Badan Berkanun untuk menjalankan tugas-tugas khas atau menghadiri prosiding Dewan amatlah diperlukan. Sila beri keutamaan untuk **pelepasan pegawai** (terutamanya jurutrengkas dan juruteknik), peralatan dan juga kenderaan yang diperlukan semasa persidangan Dewan Undangan Negeri atau Mesyuarat Jawatankuasa bagi melicinkan pengurusan persidangan.

"BERSATU BERUSAHA BERBAKTI"
"AN HONOUR TO SERVE"



(TAN SRI DATUK AMAR HAJI MOHAMAD MORSHIDI BIN ABDUL GHANI)
Setiausaha Kerajaan
SARAWAK